


“OLAH” MEWARNAI Ragam Kehidupan





Gambaran sesuatu lukisan cat air bukan sahaja terletak pada nilai estetikanya, malah yang bersifat sangat ekspresif dan impresif. Setiap olahan yang ditonjolkan memperlihatkan budaya berbilang bangsa dan keindahan alam semula jadi di Malaysia, seterusnya mencetuskan semangat dan kekuatan di dalam diri untuk menghasilkan lukisan cat air yang lebih baik.

Secara tradisionalnya, catan yang menggunakan cat air bersifat lut sinar. Sifat lut sinar inilah yang membuatkan lukisan cat air sangat sukar untuk dihasilkan berbanding dengan medium lain. Dalam hal ini, pelukis memerlukan kemahiran dan kesabaran yang tinggi untuk menghasilkan lukisan cat air yang berkualiti. Lukisan medium cat

air lebih cenderung digunakan di atas kertas, namun boleh juga dilukis di atas kulit, plastik, kain dan kanvas.

Sememangnya lukisan cat air merupakan satu daripada medium yang merentas zaman dan perlu diberi penekanan untuk bersaing dengan teknik dan medium lain. Kecanggihannya teknologi media elektronik dan digital membuatkan lukisan konvensional ini mampu menyerlahkan bakat demi



catan dan lakaran, serta elemen bentuk lukisan boleh dilakukan secara lazim dengan sekali sapuan sahaja. Namun demikian, jika tersilap, lukisan dianggap gagal dan perlu dilukis semula. Hal ini dikatakan demikian kerana cat air yang telah dilukiskan di atas kertas tidak boleh ditampal secara langsung dengan warna lain.

Secara umumnya, seni dan budaya merupakan saluran yang sentiasa dekat dengan

hati masyarakat kerana mampu mengeratkan hubungan silaturahim antara manusia serta menyatukan jiwa seseorang dengan alam dan kehidupan. Sehubungan dengan itu, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), sebagai institusi yang bertanggungjawab terhadap perkembangan artis seni visual tanah air, menganjurkan pameran lukisan yang bertemakan cat air yang dikenali sebagai “Olah”. Pameran yang berlangsung dari 26

kelangsungan pelukis untuk berkarya, sekali gus menarik setiap mata yang memandangnya dan meningkatkan hasil nilai karya masing-masing.


Pelukis yang berkemahiran tinggi dalam teknik lukisan cat air mampu melukis sesebuah lukisan secara spontan. Setiap goresan



Arts & Literature - masterpiece

pg: 34 - 37

cfp. no: 0000 274923.
ART 2016/A05





Pada dasarnya, pameran yang melibatkan gabungan pelukis tanah air seperti ini dapat menyatukan dan meningkatkan semangat setia kawan dengan pendekatan berkarya dalam studio. Di samping itu, "Olah" juga dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat untuk mengenali pelukis yang terlibat secara lebih dekat, sekali gus menaikkan semangat mereka untuk menghasilkan karya yang lebih banyak dan bermutu.

Sesuai dengan namanya, karyawan yang terlibat dalam pameran ini diberi kebebasan sepenuhnya untuk

mengolah lukisan mereka berdasarkan kreativiti masing-masing tanpa sebarang tema yang tertentu. Hal ini menjadikan setiap olahan yang dihasilkan sebagai idea dan konsep tersendiri, sekali gus memastikan karya mereka benar-benar asli dan beridentiti. Selain itu, pameran yang memaparkan lebih daripada 30 lukisan ini juga mudah difahami oleh pengunjung kerana kebanyakan pelukis mengentengahkan subjek yang nyata dan realistik, serta tidak terlalu abstrak.

Pengunjung yang menyusuri ruang pameran "Olah" di Creative Space, lobi Bangunan Pentadbiran LPSVN, pastinya teruja melihat kumpulan lukisan yang dipamerkan. Mata seolah-olah menjadi "sejuk" sejurus melihat ekspresi setiap lukisan yang kebanyakannya menggunakan warna yang lembut. Beberapa koleksi lukisan yang

Mac hingga 10 April 2016 yang lalu mempamerkan gabungan olahan karya pelukis cat air di Malaysia yang terdiri daripada 19 orang ahli Gangsta Watakala dan Galeri Studio Warna & Air. Pameran ini dirasmikan oleh Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tan Sri Samsudin Osman, pada 2 April.



Dewan Budaya Julai 2016



memaparkan potret manusia, seperti peniaga di pasar, penarik beca dan pengemis, mampu menyentuh perasaan pengunjung yang menatapnya. Gaya dan sentuhan pelukis berupaya menjelmakan emosi pada setiap potret dan pastinya setiap wajah tersebut mempunyai 1001 makna yang tersembunyi.

Lukisan yang bertunjangkan cat air sememangnya sangat menarik jika pelukisnya bijak menggunakan campuran air dan palet warna dengan gabungan warna berbeza. Maka tidak hairanlah jika ada peminat yang sanggup membeli sebuah lukisan cat air dengan harga yang mencecah ribuan ringgit. Hal ini membuktikan bahawa lukisan cat air mempunyai nilai yang sangat tinggi kerana mampu menghadirkan emosi dan menggamit nostalgia bagi setiap mata yang memandangnya.

Karya Abey Zoul, misalnya, atau nama sebenarnya Zulkifli Yasin, memperlihatkan ton warna yang berbeza-beza pada setiap lukisan yang dihasilkannya. Dalam pameran ini, beliau membawa pengunjung meneroka karyanya yang berasaskan pemandangan dan landskap alam sekitar, seperti

suasana alam perkampungan dan sungai yang tenang, dengan menggunakan pelbagai gabungan ton warna yang menarik.

Selain lukisan, beberapa aktiviti menarik turut diadakan sepanjang pameran ini berlangsung. Antaranya termasuklah sesi demonstrasi menghasilkan lukisan. Pengunjung berpeluang melihat pelukis secara langsung daripada Gangsta Watakala dan Galeri Studio Warna Air menghasilkan lukisan dengan menggunakan cat air dengan teknik yang tersendiri. Walaupun mereka tampak mudah dan bersahaja ketika menghasilkan lukisan, pastinya mereka menempuh pelbagai cabaran dan kesusahan untuk mengasah bakat sebelum menjadi pelukis yang hebat seperti sekarang. Turut diadakan aktiviti jualan lukisan terpilih bagi pengunjung yang berminat membeli lukisan yang dipamerkan.

Usaha LPSVN menganjurkan pameran seperti ini akan mendidik pengunjung, memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat, dan menghargai pelukis, di samping menggalakkan pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif terhadap suasana persekitaran. "Olah" mampu menjalin hubungan tanpa



sempadan dalam mencipta ruang kehidupan dan menjadi terapi jiwa dan mental dengan gaya lukisan yang realistik dan bersahaja. Cetusan daripada pameran ini harus dijadikan sebagai titik permulaan dalam menzahirkan bakat artis berbilang bangsa dan peringkat umur, sekali gus meraikan ekspresi masyarakat tentang keindahan seni itu sendiri. 